



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



E-BULETIN EKSA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

EDISI JANUARI - JUN 2025



PENYAYANG • PROFESIONALISME • KERJA BERPASUKAN
KAMI SEDIA MEMBANTU



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SIDANG PENGARANG E-BULETIN EKSA KKM

Penasihat

Datuk Azah Hanim binti Ahmad
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pengarang

Datin Suriani binti Abdul Rahman

Pegawai Penyelaras

Lenny Haslinda binti Hassan

Pereka Grafik dan Susun Atur

Mohd Iswandy bin Wally

Sidang redaksi e-Buletin EKSA KKM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Pengurusan Tertinggi KKM dan semua bahagian di KKM yang menjayakan penerbitan e-Buletin EKSA Edisi Januari-Jun 2025.

Bagi sebarang makluman dan pertanyaan, sila hubungi:

Sidang Redaksi e-Buletin EKSA KKM
Unit Komunikasi Korporat
Aras 4, Blok E7
Kementerian Kesihatan Malaysia, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya Malaysia.

Tel : 03-8892 3840 / 3470

E-mel : lenny@moh.gov.my



<https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://www.instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://twitter.com/KKMPutrajaya>

LAWATAN PENANDA ARAS AMALAN EKSA PERINGKAT IBU PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA TAHUN 2025 KE IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA, KUALA LUMPUR



Pada 19 Mac 2025, Jawatankuasa Induk Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menganjurkan Lawatan Penanda Aras Amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Peringkat Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM) Tahun 2025.

Lawatan tersebut telah diadakan di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) di Kuala Lumpur melibatkan seramai 24 orang warga kerja dari IPKKM.



Penganjuran latihan EKSA bertujuan untuk meninjau secara keseluruhan pelaksanaan amalan EKSA di samping memberi pendedahan dan idea baharu kepada warga IPKKM untuk dipraktikkan di masa akan datang.



AMALAN-AMALAN BAIK EKSA JABATAN KERJA RAYA (JKR)



AMALAN-AMALAN BAIK EKSA JABATAN KERJA RAYA (JKR)





KURSUS PELAKSANAAN AMALAN EKSA: PEMANTAPAN GARIS PANDUAN BAHARU (PENYELARAS DAN JK LATIHAN EKSA DI IPKKM) TAHUN 2025

Pada 8 April 2025, Bahagian Pengurusan Latihan telah mengadakan Kursus Pelaksanaan Amalan EKSA: Pemantapan Garis Panduan Baharu Tahun 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Refflesia, Bahagian Pengurusan Latihan, KKM, Putrajaya

Kursus ini telah melibatkan seramai 49 orang peserta daripada pelbagai bahagian. Terdapat 3 modul dalam kursus tersebut yang telah disampaikan kepada peserta kursus. Modul 1: Pengenalan EKSA dan Modul 2: Sesi Pemantapan Garis Panduan Baharu EKSA Tahun 2025 telah disampaikan oleh Encik Mohd Hafiz bin Abas dari Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM. Manakala Modul 3: Penyediaan Laporan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) telah disampaikan oleh Puan Aainaa Balqis binti Mohamad Rizal Haddi, Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM.

Kursus pelaksanaan amalan EKSA diadakan bertujuan untuk menerangkan dengan lebih jelas berkenaan elemen baharu EKSA iaitu Imej Korporat, Persekitaran Kondusif, Kepelbagaian Agensi, Kreativiti dan Inovasi dan Amalan Hijau selain dapat menerangkan mengenai Hala Tuju EKSA di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).






LAWATAN PENANDA ARAS AMALAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) OLEH JABATAN SIASATAN JENAYAH, POLIS DIRAJA MALAYSIA BUKIT AMAN KE IBU PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Pada 16 April 2025, Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia Bukit Aman telah mengadakan lawatan penanda aras amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) ke Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sesi lawatan tapak telah dimulai dengan mesyuarat pembukaan yang melibatkan seramai 30 orang warga kerja JSJ, PDRM Bukit Aman, enam (6) orang penyelaras Zon dan urus setia.

Sebanyak tiga (3) buah Zon yang dilawati oleh warga kerja JSJ, PDRM Bukit Aman iaitu Zon Pergigian (Program Kesihatan Pergigian), Zon Kawalan (Bahagian Kawalan Penyakit) dan Zon Pengurusan (Bahagian Khidmat Pengurusan).





LAWATAN PENANDA ARAS AMALAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) OLEH INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP) PEDAS KE IBU PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



Pada 21 Mei 2025, Sekretariat Induk EKSA KKM telah menerima permohonan daripada Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pedas bagi sesi lawatan penanda aras Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) ke Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM). Seramai 14 orang dari ILP Pedas telah hadir dalam lawatan tersebut.

Lawatan penanda aras ini merupakan salah satu kriteria yang dinilai dalam komponen EKSA iaitu di bawah pemarkahan Komponen A5. Dua zon yang dilawati oleh warga kerja ILP Pedas ialah Zon Perkembangan Perubatan (Bahagian Perkembangan Perubatan) dan Zon Perancang (Bahagian Perancangan).



ZON PERANCANG



ZON PERKEMBANGAN PERUBATAN



KURSUS PENTAULIAHAN JURUAUDIT EKSA IPKKM TAHUN 2025



Pelaksanaan Kursus Pentaualiahan Juruaudit EKSA KKM Tahun 2025 telah diadakan pada 28-29 Mei 2025 di Hotel Pulse Grande. Kursus telah diadakan dengan kerjasama Sekretariat Induk dan Jawatankuasa Induk Latihan EKSA. Seramai 55 daripada 60 peserta layak ditauliahkan dan majlis pentaualiahan akan diadakan pada 14 Ogos 2025 (Khamis) di Dewan Serbaguna.

Kursus ini akan diteruskan sebagai salah satu *signature* kursus bagi EKSA pada masa akan datang dan diperluaskan ke peringkat Negeri dianjurkan oleh JK Induk Audit dengan kerjasama Jawatankuasa Induk Latihan EKSA KKM.

Antara objektif Kursus Pentaualiahan Juruaudit EKSA IPKKM Tahun 2025 adalah untuk:

- (i) Memberi pendedahan berkaitan Garis Panduan Baharu EKSA KKM yang telah dilancarkan pada tahun 2024 kepada Juruaudit EKSA yang lama dan baharu di IPKKM;
- (ii) Memberikan penjelasan dan pemahaman yang tepat dan seragam kepada semua Juruaudit EKSA berpandukan Garis Panduan EKSA 2024 KKM; dan
- (iii) Memberikan tunjuk ajar, *coaching* dan *mentoring* secara langsung dengan *Champion* EKSA dan Juruaudit bertauliah daripada Jawatankuasa Induk Audit EKSA KKM.





KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA